A

Mugilan a/l Muniandy lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO W-05(M)-443–08 TAHUN 2018
HAS ZANAH MEHAT, CHE MOHD RUZIMA DAN HASHIM HAMZAH HHMR
18 JULAI 2023

C

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu disabitkan bersalah atas kesalahan mengedar dadah — Hakim Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas perayu — Sama ada elemen pemilikan dibuktikan di peringkat prima facie — Sama
D *ada terdapat kegagalan memanggil saksi-saksi material yang membolehkan pemakaian anggapan bertentangan — Sama ada perayu telah menjelaskan kelakuannya yang merampas bungkusan yang mengandungi dadah daripada polis — Sama ada kelakuan perayu menjurus kepada 'mens rea possession' bungkusan yang mengandungi dadah tersebut — Sama ada pembelaan perayu bahawa*
E *dadah adalah milik orang lain bukan fikiran kemudian — Sama ada hakim Mahkamah Tinggi gagal menilai dengan sewajarnya dan meletakkan pemberatan ke atas keterangan saksi pembelaan — Sama ada pendakwaan membuktikan pertuduhan ke atas perayu melampaui keraguan munasabah — Sama ada sabitan selamat — Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da), 39B(1)(a) & (2)*
F *— Akta Keterangan 1950 ss 8, 9 & 114(g) — Kanun Tatacara Jenayah s 182A*

Perayu telah dituduh dengan kesalahan mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) ADB. Kes pendakwaan adalah berdasarkan keterangan beberapa orang saksi
G antaranya SP3 dan SP4 yang merupakan anggota polis. Semasa hari kejadian, SP3 dan SP4 sedang membuat rondaan di Jinjang Utara dan mereka ternampak perayu berada di satu lorong sedang berhenti di tepi jalan sambil duduk di atas motosikal bernombor pendaftaran WHY 5534 ('motosikal tersebut'). Berdasarkan keterangan SP3, semasa dia menghampiri perayu,
H perayu kelihatan terkejut. SP3 dan SP4 telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas perayu dan menemui tiga kunci tersangkut di tali pinggang perayu yang mana salah satu daripada kunci tersebut adalah kunci motosikal tersebut. SP3 seterusnya memeriksa motosikal tersebut dan mendapati bahawa terdapat satu bungkusan plastik hitam dalam raga motosikal tersebut. SP3 seterusnya
I mengambil bungkusan plastik hitam tersebut namun perayu telah bertindak merampas semula bungkusan tersebut. Setelah berlaku pergelutan dan tarik menarik untuk mendapatkan bungkusan tersebut, SP3 akhirnya berjaya mendapatkan bungkusan tersebut dan menjalankan pemeriksaan yang membawa kepada penemuan 14 plastik lutsinar yang mengandungi dadah

berbahaya jenis metamphetamine dengan jumlah berat 133.67g ('dadah tersebut'). Dadah tersebut kemudiannya diserahkan kepada pegawai penyiasat ('SP6') yang menyimpan dadah tersebut di dalam 'locker' yang terletak di dalam pejabatnya yang kemudiannya dikunci. Pada keesokan harinya, SP6 menyerahkan dadah tersebut kepada pegawai kimia, SP2. Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') mendapati perayu mempunyai pemilikan melalui kawalan, jagaan dan pengetahuan berkenaan dengan dadah tersebut dan seterusnya HMT telah memakai anggapan pengedaran di bawah s 37(da) ADB terhadap perayu. Dalam pembelaannya, perayu telah bergantung kepada keterangan ibunya ('SD2') bagi menyokong kesnya bahawa dadah tersebut bukan milik perayu tetapi milik rakannya yang bernama Ellengo. Menurut perayu, motosikal tersebut telah ditarik oleh abangnya Arumugam dan motosikal tersebut telah digunakan oleh ramai orang termasuk dirinya, ahli keluarganya dan rakan-rakannya. Keterangan perayu ini juga disokong oleh keterangan adik tiri perayu yang juga merupakan jiran perayu ('SP5') yang menyatakan bahawa kunci motosikal tersebut digantung ditepi cermin rumah SD2 dan sesiapa sahaja boleh mengambilnya dari luar. Hakim Mahkamah Tinggi mendapati pembelaan perayu adalah fikiran kemudian kerana watak Ellengo hanya muncul semasa kes pembelaan dan tidak pernah dicadangkan kepada SP3 dan SP4 semasa kes pendakwaan. Pada akhir kes, HMT mendapati bahawa pendakwaan telah berjaya membuktikan kes terhadap perayu melampaui keraguan yang munasabah dan seterusnya mensabitkan perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati ke atas perayu. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, perayu memfailkan rayuan semasa. Tiga alasan utama yang dibangkitkan oleh perayu dalam rayuan semasa adalah: (a) pendakwaan tidak berjaya membuktikan elemen pemilikan di peringkat kes prima facie apabila tidak memanggil tuan punya motosikal (Lee Chee Sing) dan Arumugam (penarik kenderaan, abang kepada perayu) atau menawarkan mereka kepada pembelaan, oleh itu, anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 adalah terpakai; (b) HMT khilaf apabila membuat dapatan bahawa kelakuan perayu menjurus kepada 'mens rea possession' terhadap plastik hitam yang mengandungi dadah tersebut dan gagal menilai bahawa perayu telah memberi penjelasan semasa perayu ditahan; dan (c) pembelaan bahawa dadah tersebut adalah kepunyaan Ellengo bukan pembelaan fikiran kemudian apabila terdapatnya keterangan sokongan, dan berkenaan pembelaan ini keterangan SD2 telah tidak dinilai dengan sewajarnya atau diletakkan apa-apa pemberatan oleh HMT.

Diputuskan, menolak rayuan terhadap sabitan dan hukuman, dan mengekalkan keputusan HMT:

(1) Dalam rayuan ini, mahkamah dapati bahawa tiada apa-apa keterangan yang menunjukkan 'withholding or suppression of evidence' di pihak pendakwaan. Mahkamah bersetuju dengan hujahan responden bahawa

tiada penyembunyian keterangan mengenai tuan punya berdaftar motosikal tersebut kerana siapa tuan punya berdaftar adalah tidak relevan. Alasan yang diutarakan oleh perayu untuk memanggil seorang yang bernama SM Razak dan Lee Chee Sing untuk memberi keterangan berkenaan tempoh pemilikan motosikal tersebut oleh perayu adalah tidak perlu dan tidak relevan kerana telah terdapat keterangan yang kukuh berdasarkan percakapan beramaran perayu (D1) dan keterangan SP5. Selain itu, mahkamah berpendapat bahawa isu siapa pemilik sebenar atau berdaftar motosikal tersebut adalah tidak material dalam kes ini untuk membuktikan kes pendakwaan iaitu perayu mempunyai milikan ke atas dadah tersebut (lihat perenggan 28).

(2) Keterangan SP5 berkaitan kunci motosikal yang disimpan dalam rumah yang digantung di tepi cermin dan sesiapa sahaja boleh mengambilnya dari luar, tidak dapat menafikan kawalan perayu terhadap motosikal tersebut semasa perayu ditahan oleh SP3 dan SP4 yang tempatnya tiga kilometer daripada rumah perayu; dan perayu seorang sahaja berada di atas motosikal tersebut. Selain itu, semasa perayu ditemui dan ditahan oleh SP3, kunci motosikal tersebut berada di badan perayu iaitu tersangkut di tali pinggang seluarnya. Berkenaan dengan naratif perayu bahawa Ellengo datang berjumpa perayu di rumah perayu dan membonceng motosikal yang ditunggang oleh perayu, keterangan SP5 tidak dapat menyokong naratif tersebut kerana pada hari tersebut, SP5 telah pergi ke hospital. Berkaitan dengan abang perayu pula iaitu Arumugam, adalah menjadi tanggungjawab perayu untuk memanggilnya untuk memberikan keterangan semasa kes pembelaan untuk membangkitkan apa-apa keraguan munasabah. Pada peringkat kes pendakwaan, individu ini tidak material untuk membuktikan elemen-elemen pertuduhan terhadap perayu (lihat perenggan 29–31).

(3) Perayu berhujah bahawa dia telah memberikan penjelasan bahawa dia merampas beg plastik hitam tersebut daripada SP3 kerana beg tersebut adalah kepunyaan kawannya. Walaubagaimana pun, mahkamah mendapati berdasarkan keterangan di peringkat pendakwaan, naratif ini tidak dikemukakan kepada SP3 dan SP4. Oleh itu, tidak ada penjelasan yang boleh dipertimbangkan oleh HMT. Mahkamah bersetuju dengan HMT bahawa kelakuan perayu yang mengelak daripada SP3 dan SP4 memeriksa beg plastik hitam tersebut dan seterusnya merampas plastik hitam tersebut daripada SP3 menunjukkan pengetahuan mens rea perayu bahawa adanya dadah di dalam plastik hitam yang disimpan dalam raga motosikal tersebut (lihat perenggan 34–35).

(4) Kesimpulannya, semasa ditahan, hanya perayu yang berada di atas motosikal yang di dalam raganya mengandungi plastik hitam yang mengandungi dadah tersebut. Kunci yang ditemui tersangkut di tali pinggang seluar perayu juga merupakan kunci motosikal tersebut. Oleh

itu jelas bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan terhadap plastik hitam tersebut. Mahkamah dapati bahawa HMT telah memberi penilaian maksima terhadap semua keterangan di peringkat kes pendakwaan dan HMT telah membuat dapatan yang betul mengenai pemilikan dadah tersebut bila mana HMT memutuskan perayu mempunyai pemilikan secara terus (direct/actual possession), jagaan dan kawalan terhadap dadah tersebut (lihat perenggan 38–39).

(5) Mahkamah dapati bahawa HMT telah menilai dengan teliti kes pembelaan dan telah membuat dapatan selaras dengan s 182A Kanun Tatacara Jenayah. Hakim Mahkamah Tinggi juga telah merujuk kepada panduan *Radhi* di dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169. Mahkamah berpendapat HMT adalah betul dalam merumuskan bahawa pembelaan perayu bersifat fikiran kemudian. Penglibatan atau peranan Ellengo dalam kes ini tidak pernah ditanya kepada SP5. Kewujudan Ellengo juga tidak pernah ditanya kepada mana-mana saksi material pihak pendakwaan yang lain iaitu SP3, SP4 dan SP6. Keterangan SD2 bahawa Ellengo ada datang ke rumah perayu juga tidak disokong oleh keterangan SP5. Percakapan beramaran perayu (D1) yang tidak mempunyai apa-apa pindaan juga hanya menyatakan 'Itu dadah bukan saya punya. Saya tak tahu itu siapa punya dadah. Saya hanya hisap ice sahaja'. Selain itu, naratif pembelaan berkenaan Ellengo juga tidak pernah dinyatakan kepada pihak polis semasa SD2 dirakam percakapannya (lihat perenggan 45 & 48–53).

(6) Hakim Mahkamah Tinggi telah menilai semua keterangan pembelaan termasuk SD2 di perenggan [71](c) dan begitu juga keterangan SP5 di peringkat pendakwaan di perenggan [72]. Mahkamah ini di peringkat rayuan juga boleh melihat semula semua keterangan yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi jika terdapat ketinggalan untuk menilainya oleh HMT. Mahkamah ini telah meneliti keterangan SD2 dan SD5 seperti yang dibincangkan di perenggan terdahulu penghakiman ini. Berdasarkan penelitian mahkamah, keterangan mereka dan keseluruhan keterangan lain yang dikemukakan oleh perayu tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Oleh itu pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan munasabah dan sabitan oleh HMT ke atas perayu adalah selamat (lihat perenggan 54–55).

[English summary

The appellant was charged with the offence of drug trafficking under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') and punishable under s 39B(2) of the DDA. The prosecution case was based on the testimony of several witnesses including SP3 and SP4 who were police officers. During the day of the incident, SP3 and SP4 were patrolling in Jinjang Utara and they saw the appellant in a lane stopping by the side of the road while sitting on a

motorcycle with registration number WHY 5534 ('the motorcycle'). Based on SP3's testimony, when he approached the appellant, the appellant appeared shocked. SP3 and SP4 conducted a body search on the appellant and found three keys stuck in the appellant's belt, one of which was the key to the motorcycle. SP3 then inspected the motorcycle and found that there was a black plastic package in the basket of the motorcycle. SP3 then took the black plastic package but the appellant took action to seize back the package. After a struggle and tug-of-war to get the package, SP3 finally managed to get the package and conducted an inspection which led to the discovery of 14 transparent plastics containing the dangerous drug methamphetamine with a total weight of 133.67g ('the drug'). The drug was then handed over to the investigating officer ('SP6') who kept the drug in a 'locker' located in his office which was then locked. The next day, SP6 handed over the drugs to the chemical officer, SP2. Based on the testimony of the prosecution witnesses, the High Court judge ('the HCJ') found that the appellant had possession via control, custody and knowledge of the drug and subsequently the HCJ had used the presumption of trafficking under s 37(da) of the DDA against the appellant. In his defence, the appellant relied on the testimony of his mother ('SD2') to support his case that the drug did not belong to him but to his friend Ellengo. According to the appellant, the motorcycle was repossessed by his brother Arumugam and the motorcycle was used by many people including himself, his family members and his friends. The testimony of the appellant was also supported by the testimony of the appellant's half-brother who was also the appellant's neighbor ('SP5') who stated that the key to the motorcycle was hung by the mirror of SD2's house and anyone could take the key from outside of the house. The HCJ found that the appellant's defence was an afterthought because the character named Ellengo only appeared during the defence case and was never suggested to SP3 and SP4 during the prosecution case. At the end of the case, the HCJ found that the prosecution had succeeded in proving the case against the appellant beyond reasonable doubt and subsequently found the appellant guilty and sentenced the appellant to death by hanging. Dissatisfied with the decision, the appellant filed the present appeal. The three main grounds raised by the appellant in the current appeal were: (a) the prosecution failed to prove the element of possession at the prima facie case stage when it did not call the owner of the motorcycle (Lee Chee Sing) and Arumugam (the repossession agent, the appellant's brother) or offer them to the defence, therefore, the presumption under s 114(g) of the Evidence Act 1950 was applicable; (b) the HCJ erred when he made a finding that the appellant's conduct led to 'mens rea possession' of the black plastic containing the drug and failed to assess that the appellant had given an explanation when the appellant was detained; and (c) the defence that the drug belonged to Ellengo was not an afterthought when there was supporting evidence, and regarding this defence, SD2's evidence had not been properly assessed or weighted by the HCJ.

Held, dismissing the appeal against conviction and sentence, and affirming the decision of the HCJ: A

(1) In this appeal, the court found that there was no evidence showing 'withholding or suppression of evidence' on the part of the prosecution. The court agreed with the respondent's argument that there was no concealment of information about the registered owner of the motorcycle because the identity of the registered owner was irrelevant. The reason given by the appellant for calling a person named SM Razak and Lee Chee Sing to testify regarding the period of ownership of the motorcycle by the appellant was unnecessary and irrelevant because there was strong evidence based on the appellant's cautioned statement (D1) and SP5's testimony. In addition, the court opined that the issue of who was the real or registered owner of the motorcycle was immaterial in this case to prove the prosecution's case that the appellant had possession of the drug (see para 28). B C D

(2) SP5's testimony that the key to the motorcycle was hung by the mirror of SD2's house and anyone could take the key from outside of the house, could not deny the appellant's control over the motorcycle at the time when the appellant was detained by SP3 and SP4 at a location which was three kilometers away from the appellant's house; and the appellant was alone on the said motorcycle. In addition, when the appellant was found and arrested by SP3, the motorcycle key was on the appellant's body which was stuck in the belt of his trousers. With regard to the appellant's narrative that Ellengo came to meet the appellant at the appellant's house and hitched a ride on the said motorcycle, SP5's testimony could not support the said narrative because on that day, SP5 had gone to the hospital. In relation to the appellant's brother Arumugam, it was the appellant's responsibility to call him to testify during the defence case to raise any reasonable doubt. At the stage of the prosecution case, this individual was not material to prove the elements of the charge against the appellant (see paras 29–31). E F G

(3) The appellant argued that he had given an explanation that he had took back the black plastic bag from SP3 because the bag belonged to his friend. However, the court found that based on the testimony at the prosecution stage, this narrative was not presented to SP3 and SP4. Therefore, there was no explanation for HCJ's consideration. The court agreed with the HCJ that the conduct of the appellant who avoided SP3 and SP4 to inspect the black plastic bag and subsequently took the black plastic from SP3 showed the appellant's mens rea knowledge that there were drugs in the black plastic which was kept in the basket of the motorcycle (see paras 34–35). H I

(4) In conclusion, during the arrest, only the appellant was on the motorcycle which contained the black plastic containing the drug. The

key found stuck in the belt of the appellant's pants was also the key to the motorcycle. It was therefore clear that the appellant had control and custody of the black plastic. The court found that the HCJ had given the maximum evaluation of all the evidence at the stage of the prosecution case and the HCJ had made the correct findings regarding the possession of the drug when the HCJ decided that the appellant had direct/actual possession, custody and control of the drug (see paras 38–39).

(5) The court found that the HCJ had carefully assessed the defence case and had made a finding in accordance with s 182A of the Criminal Procedure Code. The High Court judge also referred to *Radhi*'s direction in the case of *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169. The court was of the view that the HCJ was correct in concluding that the appellant's defence was an afterthought. Ellengo's involvement or role in this case was never put to SP5. The existence of Ellengo was also never put to any of the prosecution's other material witnesses namely SP3, SP4 and SP6. SD2's testimony that Ellengo came to the appellant's house was also not supported by SP5's testimony. The appellant's cautioned statement (D1) which did not have any amendments also only stated that 'Itu dadah bukan saya punya. Saya tak tahu itu siapa punya dadah. Saya hanya hisap ice sahaja'. In addition, the defence narrative regarding Ellengo was also never revealed to the police when SD2's statement was recorded (see paras 45 & 48–53).

(6) The High Court judge had evaluated all the defence evidence including SD2 in para [71](c) and likewise the evidence of SP5 at the prosecution stage in para [72]. This court at the appeal stage could also review all the evidence presented in the High Court if there was any omission in evaluating it by the HCJ. The court had examined the testimony of SD2 and SD5 as discussed in the previous paragraph of this judgment. Based on the court's scrutiny, their evidence and the entire other evidence presented by the appellant did not raise reasonable doubts on the prosecution's case. Therefore, the prosecution had succeeded in proving the charge against the appellant beyond reasonable doubt and the conviction of the appellant by the HCJ was safe (see paras 54–55).]

Kes-kes yang dirujuk

Alcontara a/l Ambross Anthony v PP [1996] 1 MLJ 209; [1996] 1 CLJ 705, MP (dirujuk)

Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85, MP (dirujuk)

Henry Chan Kok Loon v PP [2017] MLJU 1191; [2017] 1 LNS 1174, MR (dirujuk)

Loo Ting Meng v PP [2014] 6 MLJ 208; [2014] 1 CLJ 188, MP (dirujuk)

Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311, MA (dirujuk)

Mohamad Yazri bin Minhat v PP [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65, MR (dirujuk)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ 221, MA (dirujuk)
Ong Ah Chuan v PP; Koh Chai Cheng v PP [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181, PC (dirujuk)
Parlan bin Dadeh v PP [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, MP (dirujuk)
Rosenizam bin Maharam v PP [2003] 5 MLJ 49; [2002] 1 LNS 260, MT (dirujuk)
Siew Yoke Keong v PP [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149, MP (dirujuk)
Teh Hock Leong v PP [2010] 1 MLJ 741; [2008] 4 CLJ 764, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(da), (da)(xvi), 39(2A)(d), 39B(1)(a), (2), Jadual Pertama
Akta Keterangan 1950 ss 8, 8(2), 9, 114(g)
Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023
Kanun Tatacara Jenayah ss 182, 182A

Rayuan daripada: Perbicaraan Jenayah No WA-45A-62–09 Tahun 2017 (Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur)

Affifuddin Ahmad Afifi (Amirul Jamaludin bersamanya) (Salehuddin Saidin & Assoc) bagi pihak perayu.
Mohd Khushairy bin Ibrahim (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Has Zanah Mehat HMR:

PENDAHULUAN

[1] Ini adalah rayuan perayu/tertuduh ('perayu') terhadap keputusan hakim Mahkamah Tinggi ('HMT') yang telah mensabitkan perayu dengan pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama iaitu hukuman mati.

[2] Pertuduhan terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 29 Mac 2017 jam lebih kurang 9.15 malam di Jalan Jinjang Utara, di dalam Daerah Sentul, di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 133.67 gram, oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

[3] Pendakwaan telah bergantung kepada enam saksi untuk membuktikan bahawa perayu mempunyai pemilikan melalui kawalan, jagaan dan pengetahuan berkenaan dadah dalam 14 plastik lutsinar (P8B (1–14)) yang

berada dalam plastik hitam P8A yang diambil daripada raga motosikal Yamaha WHY 5534 (P5B). Setelah pemilikan terhadap dadah tersebut dibuktikan, HMT telah memakai anggapan pengedaran di bawah s 37(da) Akta terhadap perayu. Pendakwaan telah bergantung kepada keterangan SP3 dan SP4 sebagai saksi utama yang telah melakukan pemeriksaan, tangkapan dan rampasan di tempat dan waktu sepertimana pertuduhan yang telah dikenakan. SP2 pegawai kimia telah mengesahkan 14 plastik lutsinar (A1 hingga A14) yang kemudian ditandakan sebagai eksh mahkamah (P8B (1–14)) dalam plastik hitam P8A adalah dadah berbahaya jenis methaphetamine yang beratnya 133.67g.

[4] Semasa permulaan hujahan, peguam perayu telah menekankan tiga alasan utama rayuan walaupun dalam petisyen rayuan terdapat alasan yang panjang lebar. Alasan utama tersebut seperti yang dihujahkan secara lisan adalah:

(a) pendakwaan tidak berjaya membuktikan elemen pemilikan di peringkat kes prima facie apabila tidak memanggil tuan punya motosikal (Lee Chee Sing) dan Arumugam (penarik kenderaan, abang kepada perayu) atau menawarkan mereka kepada pembelaan kerana anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan terpakai;

(b) HMT khilaf apabila membuat dapatan bahawa kelakuan (*conduct*) perayu menjurus kepada *mens rea possession* terhadap plastik hitam P8A yang mengandungi dadah dan gagal menilai bahawa perayu telah memberi penjelasan semasa perayu ditahan; dan

(c) pembelaan bahawa dadah adalah kepunyaan Ellengo bukan pembelaan fikiran kemudian (*afterthought*) apabila terdapatnya keterangan sokongan; dan berkenaan pembelaan ini keterangan SD2 ibu kepada perayu telah tidak dinilai dengan sewajarnya atau diletakkan sebarang pemberatan oleh HMT.

[5] Kedua-dua pihak telah berhujah lisan dan juga merujuk kepada hujahan bertulis terhadap isu-isu yang dibangkitkan di atas dan petisyen rayuan.

[6] Setelah mendengar hujahan lisan dan membaca hujahan bertulis mengenai isu yang dibangkitkan dan setelah meneliti rekod rayuan dan alasan penghakiman HMT, kami dapati tidak terdapat kesalahan atau kesilapan jelas (*is not plainly wrong or erroneous*) dalam keputusan oleh HMT. HMT telah menilai dan menimbangkan semua keterangan di hadapannya dan telah membuat dapatan fakta berdasarkan semua keterangan tersebut sebelum membuat keputusan. Berdasarkan itu kami berpendapat sabitan terhadap tertuduh oleh Mahkamah Tinggi adalah selamat. Oleh itu kami telah menolak rayuan perayu. Di bawah adalah alasan kami.

KES PENDAKWAAN

[7] Pada 29 Mac 2017 SP3 dan SP4 bertugas rondaan di zon Jinjang Utara dari jam 3 petang hingga 11 malam dengan masing-masing menunggang motosikal persendirian dan memakai uniform lengkap polis (kandungan 15 RR-pdf 15). Semasa berada di jalan besar Benteng Utara ke PPR Jinjang Utama, mereka melihat seorang lelaki berbangsa India (yang kemudiannya dikenal pasti adalah perayu) berada di satu lorong sedang berhenti di tepi jalan sambil duduk di atas sebuah motosikal (WHY 5534) di Jalan Jinjang Utama dalam keadaan mencurigakan kerana tempat agak terlindung. SP3 dan SP4 menghampiri motosikal perayu dan berhenti di belakang motosikal perayu. SP3 dan SP4 turun dari motosikal masing-masing dan menghampiri perayu. perayu berada di atas motosikal yang enjinnya dimatikan dan tiada kunci di *starter* motosikalnya. Namun selepas pemeriksaan badan dijumpai serangkai tiga kunci tersangkut di tali pinggang perayu, salah satu ialah kunci motosikal Yamaha WHY 5534 (P10(a)) dengan dua lagi kunci.

[8] Semasa SP3 turun dari motosikalnya dan menghampiri motosikal perayu, SP3 mendapati perayu dalam dalam keadaan terkejut tetapi tidak cuba melarikan diri. SP3 meminta kad pengenalan dari perayu namun perayu gagal mengemukakannya dan memberitahu namanya Mugilan. SP3 memeriksa badan perayu namun tidak menjumpai barang menyalahi undang-undang di badan perayu. SP3 melihat di dalam raga/bakul motosikal yang ditunggang perayu terdapat satu bungkusan plastik hitam. Sebaik sahaja SP3 mengambil beg plastik hitam tersebut dari perayu, perayu telah merampas dari tangan SP3 beg plastik hitam tersebut. SP3 merampas balik dari tangan perayu dan perayu cuba merampas balik beg hitam tersebut tetapi akhirnya SP3 berjaya merampas beg plastik hitam tersebut daripada perayu. perayu memberitahu SP3 dan SP4 'tak ada apa-apa, tidak payah periksa'. Berlaku pergelutan dan tarik menarik antara SP3 dengan perayu apabila SP3 berkeras mengambilnya dari perayu. SP3 membuka ikatan simpul beg plastik hitam tersebut dan menjumpai banyak paket plastik kecil lut sinar yang setiap satu di dalamnya mengandungi bahan ketulan disyaki dadah syabu. SP3 mengarahkan SP4 menggari perayu.

[9] SP3 kemudiannya meminta bantuan kereta peronda. SP3 bersama beg plastik hitam yang mengandungi paket plastik kecil lut sinar yang disyaki dadah syabu dan perayu menaiki kereta peronda berkenaan. Motosikal perayu ditunggang ke balai oleh SP4 dan krew kereta peronda Kpl Jefri menunggang motosikal SP4. SP4 menggunakan kunci motosikal yang dijumpai pada badan perayu untuk menghidupkan enjin motosikal perayu.

[10] SP3 hanya mengira paket plastik lut sinar di Balai Polis Jinjang dan mendapati sebanyak 14 paket. SP3 dan SP6 menyediakan Senarai Bongkar,

membuat laporan polis Jinjang Rpt 6614/17 (P11) dan membuat serahan barang kes (P12) kepada Pegawai Penyiasat (SP6). SP6 menyimpan barang kes di dalam locker pejabatnya dan mengunci pintu pejabat. SP6 membawa keluar barang kes esoknya untuk diambil gambar dan dibawa ke Jabatan Kimia dan menyerahkan kepada SP2.

[11] Barang kes diambil semula oleh SP6 pada 17 Julai 2017. Hasil analisa oleh ahli kimia, (SP2) mendapati ianya mengandungi dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 133.67g. Methamphetamine adalah dadah yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta sebagai dadah berbahaya. Barang kes diserah kepada penjaga stor pada hari yang sama.

[12] SP6 juga dalam siasatannya telah ke rumah perayu dan mencuba dua anak kunci yang dirampas daripada perayu (P10(b)-(c)) pada mangga/*padlock* di jeriji pintu utama dan ianya sepadan.

DAPATAN HMT DI AKHIR KES PENDAKWAAN

[13] Dapatan HMT di akhir kes pendakwaan setelah membuat penilaian secara maksima keterangan pendakwaan, mendapati pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie terhadap perayu. HMT telah memanggil perayu untuk membela diri. Secara ringkas alasan HMT di akhir kes pendakwaan adalah:

(a) berdasarkan keterangan ahli kimia (SP2), tiada keraguan bahawa barang yang dirampas bila mana SP2 mengesahkan 14 paket plastik lut sinar berisi bahan kristal jernih yang bertanda A1 hingga A14 (kemudian ditanda sebagai P8B(1–14) ialah dadah jenis methamphetamine yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta;

(b) kawalan dan jagaan berjaya dibuktikan di mana motosikal dan kunci motosikal ada bersama perayu, tiada pihak ketiga selain perayu di tempat tersebut. Barang kes dadah berada di hadapan perayu di dalam bakul motosikal yang hanya dalam beg plastik yang disimpul. perayu boleh membukanya dan dapat melihat dadah di dalam 14 plastik lut sinar. perayu dari tingkah lakunya menunjukkan reaksi melawan dan cuba mengelak beg plastik tersebut dari diambil oleh SP3;

(c) berat dadah methamphetamine yang terlibat jauh lebih besar dari peruntukan minima 50g yang diperuntukkan di bawah s 37(da)(xvi) Akta. Oleh itu, anggapan bahawa perayu mengedar dadah tersebut adalah terpakai apabila pendakwaan berjaya membuktikan pemilikan melalui kawalan, jagaan dan pengetahuan mens rea; dan

(d) rantaian pergerakan barang kes juga tidak putus.

KES PEMBELAAN

[14] Perayu memberikan keterangan bersumpah di kandang saksi (SD1) dan memanggil ibu perayu sebagai saksi (SD2).

[15] Secara ringkasnya, keterangan perayu dalam pembelaannya seperti yang berikut:

(a) barang kes dalam plastik hitam (P8A) bukan milik perayu tetapi milik rakannya bernama Ellengo;

(b) motosikal itu adalah motosikal yang ditarik (*repossessed*) oleh abang perayu (Arumugam) dan disimpan di rumah perayu. perayu, ahli keluarga dan kawan-kawannya menggunakan motosikal ini. Kuncinya diletakkan di tepi tingkap rumah SD2 dan sesiapa boleh mengambilnya;

(c) pada hari kejadian, Ellengo meminta perayu menghantarnya dengan motosikal ke suatu tempat berdekatan dengan kedai mamak bersebelahan kedai *welding* dan perayu menggunakan motosikal WHY 5534 menunggang bersama Ellengo dan perayu melihat Ellengo memegang satu beg plastik hitam bersamanya;

(d) apabila sampai di tempat bertanda A di rajah kasar (P13), perayu memberberhentikan motosikal di situ dan perayu turun dari motosikal. Ellengo meletakkan beg plastik dalam bakul motosikal dan Ellengo beredar dan meminta perayu menunggu dia datang;

(e) perayu tidak tahu isi dalam beg plastik hitam itu. Lebih kurang 3–5 minit, datang dua orang polis dan menangkap perayu. perayu mengakui semasa polis menghampirinya, polis mengambil beg plastik dari raga motosikal, beliau mengambilnya balik dan polis merampas semula dan membukanya; dan

(f) keterangan SD2, sesiapa hendak mengambil atau meminjam motosikal tersebut boleh mengambil sahaja kunci di dalam rumahnya. Pada hari kejadian, SD2 mengatakan Ellengo ada datang ke rumahnya dan telah keluar bersama perayu menaiki motosikal tersebut.

DAPATAN HMT DI AKHIR KES PEMBELAAN

[16] HMT berpendapat perayu gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan bahawa perayu mempunyai jagaan, kawalan dan pemilikan dadah tersebut dan menyangkal anggapan pengedaran di bawah s 37(da)(xvi) atas imbangan kebarangkalian. HMT telah meneliti keterangan pembelaan dan berpendapat:

(a) tiga batang kunci yang dijumpai tersangkut di tali pinggang seluar yang dipakai perayu menunjukkan kawalan perayu ke atas motosikal (P5B);

(b) kunci mangga rumah ada bersama dengan kunci motosikal tersebut membuktikan kunci tersebut tidak boleh diambil oleh sesiapa sahaja seperti yang didakwa oleh SD1 dan SD2;

(c) jika benar keterangan perayu dan SD2 yang mana motosikal tersebut boleh digunakan oleh semua kenalan dengan mengambil sendiri kunci, mengapa perlu Ellengo menunggu perayu balik dari kerja dan meminta untuk membawanya ke suatu tempat;

(d) tidak munasabah peranan perayu semata-mata menghantar Ellengo ke tempat kejadian, boleh sahaja Ellengo pergi berseorangan tanpa perlu membawa perayu dan dadah ditinggalkan kepada perayu;

(e) tindakan perayu mengelak dari beg plastik diperiksa oleh pegawai polis beruniform SP3 dan SP4, membuktikan dari kelakuannya perayu mempunyai pengetahuan mengenai isi beg plastik hitam tersebut;

(f) jika benar wujudnya Ellengo mengapa tidak memberitahu SP3 dan SP4 bahawa bungkusan dalam plastik hitam kepunyaan Ellengo semasa pertama kali ditahan dan semasa percakapan beramaran direkodkan. Dalam pernyataan beramarannya (D1), perayu tidak memaklumkan fakta penting mengenai penglibatan Elenggo yang mana sangat mustahak tetapi perayu hanya menyatakan dia tidak tahu dadah itu siapa punya;

(g) kelakuan perayu yang menggelabah dan takut serta melawan sebelum dadah ditemui menjurus kepada pengetahuan adanya dadah dalam beg hitam tersebut. Perayu tidak berjaya menjelaskan kelakuan sebegitu di bawah s 9 Akta Keterangan 1950

(h) perayu mengaku menghisap 'ais' yang dirujuk kepada dadah yang sama seperti 14 paket dadah (P8(1–14)) yang terdapat dalam plastik hitam; dan

(i) pembelaan bahawa dadah kepunyaan Ellengo adalah pembelaan fikiran kemudian (*afterthought*) kerana semasa menyoal balas SP3 dan SP4 tidak pernah mencadangkan kepada mereka dadah adalah kepunyaan Ellengo, watak Ellengo hanya keluar secara aktif semasa pembelaan sahaja. HMT berpendapat walaupun tertuduh tidak mempunyai tanggung jawab untuk mengemukakan soalan tetapi pembelaan perlu meletakkan asas pembelaan sejak dari peringkat kes pendakwaan. Namun, HMT menekankan beliau telah memberi pertimbangan kepada pembelaan yang di kemukakan oleh perayu.

[17] Berdasarkan di atas HMT berpendapat pendakwaan telah berjaya membuktikan melampaui keraguan munasabah bahawa perayu mengedar dadah di bawah s 39B(1)(a) Akta, oleh itu perayu didapati bersalah dan disabitkan. Oleh kerana perayu tidak mengemukakan keterangan bahawa

perayu telah menolong pihak berkuasa untuk menghalang aktiviti dadah seperti yang diperuntukkan di bawah s 39(2A)(d), maka HMT telah menjatuhkan hukuman terhadap tertuduh adalah dihukum gantung sampai mati.

RAYUAN

[18] Perayu mengemukakan banyak alasan dalam petisyen dan petisyen tambahan bahawa HMT telah terkhilaf dan segi fakta dan undang-undang:

(a) apabila memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes prima facie di peringkat penutupan kes pendakwaan;

(b) apabila gagal untuk membuat penilaian kes secara maksima (*maximum evalution*) terhadap keseluruhan keterangan pendakwaan dan pembelaan yang telah diberikan dalam perbicaraan;

(c) apabila memutuskan bahawa perayu bersalah atas kesalahan pengedaran dadah sedangkan elemen untuk pengedaran langsung tidak dibuktikan;

(d) bahawa perayu mempunyai pengetahuan mengenai dadah yang berada dalam beg plastik sedangkan ianya dalam keadaan tersimpul dan dibawa oleh Ellengo pada sepanjang masa sehingga ianya diletakkan dalam bakul motosikal ketika Ellengo mengarahkan perayu untuk menunggunya seketika;

(e) apabila membuat anggapan bahawa perayu boleh membuka beg plastik dalam bakul motosikal dan melihat isi kandungannya walhal perayu tiada kewajipan untuk melihat kandungan beg plastik tersebut kerana ianya bukan kepunyaan perayu dan ianya diletakkan dalam bakul buat seketika sahaja sebelum polis menahan perayu;

(f) apabila memutuskan bahawa keterangan ahli kimia (SP2) adalah tepat dan boleh diterima pakai walhal berat persampelan untuk analisis dadah tidak dibuktikan, maka keputusan analisis adalah cacat dan tidak tepat;

(g) apabila memutuskan bahawa keterangan SP5 tidak menjejaskan kes Pendakwaan sedangkan ianya telah terbukti bahawa SP5 juga telah mengesahkan kewujudan Ellengo sebagai salah seorang kawan kepada abang perayu;

(h) apabila gagal mengambilkira bahawa siasatan yang dijalankan oleh pegawai penyiasat kes (SP6) merupakan satu siasatan yang lemah dan tidak lengkap (*shallow investigation*) apabila siasatan terhadap motosikal tertumpu kepada nombor pendaftaran WHY 5534 walhal sepatutnya siasatan dibuat terhadap nombor pendaftaran WNY 5534;

(i) apabila tersalah arah diri terhadap fakta kononnya pergerakan barang kes tidak terputus walhal barang kes tersebut telah dikendalikan oleh pegawai forensik dan tiada sebarang laporan forensik dikemukakan dan tiada juga serah menyerah antara pegawai penyiasat kes dan pegawai forensik yang membuktikan pergerakan barang kes;

(j) apabila tersalah arah diri terhadap fakta bahawa pegawai forensik bernama Insp Mohd Faizul tidak ditawarkan kepada pembelaan yang antara lain telah menjejaskan kes pendakwaan dan wujudnya terputus pergerakan barang kes;

(k) apabila kegagalan untuk menawarkan pegawai forensik telah membawa kesan prejudis terhadap kes pembelaan apabila ada kemungkinan besar laporan forensik mungkin memihak kepada perayu;

(l) apabila tersalah arah diri memutuskan bahawa watak 'Ellengo' adalah satu fikiran kemudian (*afterthought*) sedangkan keterangan mengenai kewujudan Ellengo telah disokong oleh ibu perayu (SD2) dan juga SP5;

(m) apabila gagal mengarahkan diri kepada keterangan perayu dalam pernyataan beramaran (D1) yang mengatakan dadah tersebut bukan kepunyaan perayu adalah mencukupi untuk mematahkan anggapan *bare denial* dan *afterthought* dari awal lagi apabila disokong dengan keterangan SP3 yang mengatakan perayu menunggu seorang kawan awal-awal lagi;

(n) apabila gagal mengarahkan diri kepada keterangan SP3 bahawa perayu telah memberitahu SP3 sejak dari awal lagi bahawa perayu sedang menunggu kawan di mana ada kemungkinan besar kawan yang ditunggu oleh perayu adalah Ellengo;

(o) apabila gagal mengarahkan diri kepada fakta bahawa perayu sememangnya telah memberitahu pihak polis berkenaan dengan kawan tetapi ianya tidak dimasukkan dalam pernyataan perayu dan masih konsisten dalam menjawab soal balas pihak pendakwaan;

(p) apabila tersalah arah diri membuat dapatan perayu dilihat dalam keadaan menggelabah dan takut sebagai suatu yang menjurus kepada pengetahuan adanya dadah sedangkan langsung tiada keterangan yang sedemikian dikemukakan oleh mana-mana saksi pendakwaan;

(q) apabila membuat dapatan bahawa kelakuan perayu merampas beg plastik daripada pihak polis sebagai inferens pengetahuan mengenai dadah di bawah s 8 Akta Keterangan 1950. Ini kerana perayu telah mematahkan tanggapan tersebut di bawah s 9 Akta Keterangan 1950 dengan menjelaskan bahawa perayu telah cuba merampas beg plastik tersebut kerana ianya adalah kepunyaan Ellengo yang telah ditinggalkan dalam bakul motosikal;

(r) apabila gagal membangkitkan anggapan bertentangan di bawah s 114(g) Akta Keterangan 1950 berkenaan dengan kegagalan pihak pendakwaan dalam memanggil dan/atau menawarkan Arumugam, Lee Chee Sing dan SM Razak;

(s) apabila gagal untuk meletakkan sebarang pemberatan terhadap keterangan SD2 di mahkamah;

(t) apabila membuat dapatan bahawa pembelaan perayu merupakan pembelaan fikir kemudian (*afterthought*);

(u) apabila gagal menilai bahawa perayu telah pun memberi penjelasan terhadap kelakuan (*conduct*) perayu ketika beliau di tahan kepada mahkamah; dan

(v) apabila gagal untuk menilai bahawa terdapatnya keterangan sokongan yang dapat membuktikan kewujudan Ellengo.

[19] Walaupun perayu menyenaraikan banyak alasan dalam petisyen rayuan seperti yang disenaraikan di atas, namun alasan utama yang dihujahkan di hadapan mahkamah ialah seperti yang dinyatakan di perenggan [4] penghakiman ini.

[20] Perayu juga membawa alasan alternatif dalam petisyennya supaya mahkamah mensabitkan perayu ke atas tuduhan milikan pasif (*passive possession*) sahaja dan menjatuhkan hukuman penjara ke atas perayu.

ANALISA DAN KEPUTUSAN KAMI

Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie

[21] Berdasarkan keputusan dalam kes-kes terdahulu, keperluan yang perlu dipenuhi untuk kesalahan pengedaran dadah berbahaya di bawah s 39B(1)(a) Akta adalah: (i) dadah yang dipersoalkan adalah dadah berbahaya seperti yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta; (ii) dadah yang dipersoalkan adalah dalam pemilikan perayu apabila dibuktikan dadah adalah di bawah jagaan, kawalan dan pengetahuan perayu; dan (iii) perayu mengedar dadah yang dipersoalkan.

[22] Apabila seseorang didapati dalam milikannya sejumlah besar dadah berbahaya andaian logik adalah untuk tujuan pengedaran, seperti anggapan di bawah s 37(da) Akta (lihat: *Ong Ah Chuan v Public Prosecutor; Koh Chai Cheng v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 64; [1980] 1 LNS 181; *Mohamad Yazri bin Minhat v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 241; [2003] 2 CLJ 65).

[23] Dalam rayuan ini, kami bersetuju dengan HMT bahawa jenis dadah dan berat dadah telah dibuktikan berdasarkan keterangan pegawai kimia, SP2, yang disokong oleh laporan kimia P7. Keterangan SP2 telah tidak dicabar secara keras oleh peguam bela perayu yang boleh menjejaskan kredibiliti analisa yang dibuat oleh SP2. HMT telah mengguna pakai prinsip yang telah digariskan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301; [2005] 1 CLJ 85. Begitu juga dengan rantaian barang kes yang tidak terputus. Dadah yang dikemukakan di mahkamah adalah dadah yang sama semasa rampasan dibuat oleh pihak polis.

[24] Di hadapan kami peguam perayu juga tidak mengemukakan hujahan terperinci mengenai isu analisa ini walaupun telah mengemukakan sebagai alasan rayuan di perenggan 8, 11, 12 dan 13 petisyen rayuan kandungan 19 RR. Oleh itu HMT tiada khilaf dalam dapatannya bahawa 14 plastik lutsinar P(8B(1–14) yang terdapat dalam beg plastik hitam (P8A) dalam raga motosikal WHY 5534 (P5B) semasa perayu ditahan oleh SP3 adalah dadah berbahaya dan beratnya seperti pertuduhan. Oleh itu elemen mengenai jenis dan berat dadah telah dibuktikan.

[25] Hujahan utama perayu seperti yang disebut di awal penghakiman di perenggan [4] dan dalam hujahan ringkas kandungan 33 dan hujahan lisan adalah berkaitan dengan elemen pemilikan beg plastik hitam (P8A) yang mengandungi dadah P8B(1–14) dan pengetahuan perayu bahawa terdapat dadah dalam beg plastik tersebut. Peguam perayu berhujah bahawa pendakwaan gagal membuktikan kes prima facie bahawa perayu mempunyai milikan dadah tersebut apabila tidak memanggil tuan punya berdaftar motosikal (Lee Chee Sing) dan Arumugam yang telah menarik (*repossesed*) motosikal tersebut atau menawarkan mereka kepada pembelaan. Oleh kerana kegagalan tersebut peguam berhujah bahawa anggapan di bawah s 114(g) Akta Keterangan terpakai.

[26] Berdasarkan keterangan pegawai penyiasat (SP6), Arumugam tidak dapat dikesan. Peguam perayu berhujah keterangan patut dibawa untuk menjelaskan apakah usaha yang telah dibuat atau diambil oleh SP6 untuk mengesan dan menyiasat Arumugam. Pegawai penyiasat, SP6 hanya menyatakan beliau telah membuat semakan dengan JPJ dan mendapati pemilik sebenar motosikal tersebut bernama Lee Chee Sing dari Jitra Kedah (kad pendaftaran motosikal (P17) — kandungan 15 ms 41–50 RR Jld 2 — pdf). SP6 telah meminta bantuan SM Razak iaitu TKBP Jitra untuk mengesan penama tersebut dan hasil semakan, mendapati alamat yang diberikan di dalam carian JPJ menunjukkan rumah tersebut kosong dan tiada penghuni. SP6 tidak ada membuat sebarang semakan atau siasatan terhadap nombor kad pengenalan Lee Chee Sing atau alamat yang tertera pada kad pengenalan untuk mengesahkan atau mengesan penama tersebut. SM Razak juga tidak dipanggil

atau ditawarkan oleh pihak pendakwaan kepada perayu. Berdasarkan di atas selanjutnya peguam berhujah bahawa di peringkat kes pendakwaan, tidak ada sebarang *link* atau *nexus* untuk mengaitkan perayu dengan motosikal dan dadah yang berada di dalam bakul motosikal tersebut. Selanjutnya peguam perayu berhujah bahawa adalah sangat penting untuk pihak pendakwaan memanggil pemilik dan penama-penama tersebut bagi menutup kelompangan dalam kes pendakwaan. Kegagalan SP6 untuk mengesan dan atau menawarkan Arumugam, SM Razak dan Lee Chee Sing telah memprejudiskan pembelaan perayu. Jika Arumugam dipanggil dan ditawarkan, dia boleh mengesahkan kewujudan Ellengo dan juga boleh mengesahkan bahawa perayu tidak ada meletakkan sebarang dadah di dalam raga motosikal tersebut. SM Razak dan Lee Chee Sing perlu dipanggil atau ditawarkan kepada perayu memandangkan fakta bahawa tidak wujudnya keterangan pada peringkat prima facie berapa lama motosikal tersebut telah berada dengan perayu atau berapa lama perayu telah menggunakan motosikal tersebut. Tanpa saksi-saksi tersebut dipanggil, wujudnya kelompangan yang material di dalam kes pihak pendakwaan dan tidak boleh dikatakan satu kes prima facie telah berjaya dibuktikan. HMT telah gagal untuk menilai, mengupas dan mempertimbangkan isu material ini.

[27] Mahkamah Persekutuan dalam kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492; [1987] CLJ 221 menjelaskan mengenai pemakaian anggapan s 114(g) seperti berikut:

> ... It is essential to appreciate the scope of s 114(g) lest it be carried far outside its limit. Adverse inference under that illustration can *only be drawn if there is withholding or suppression of evidence* and *not merely on account of failure to obtain evidence*. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, *or for nonproduction of not just any witness but an important and material witness* to the case ...

[28] Dalam rayuan di hadapan kami ini, didapati tiada sebarang keterangan yang menunjukkan *withholding or suppression of evidence* di pihak pendakwaan seperti mana yang dijelaskan dalam kes *Munusamy*. Kami bersetuju dengan hujahan responden bahawa tiada penyembunyian keterangan (*concealment of evidence*) mengenai tuan punya berdaftar motosikal kerana siapa tuan punya berdaftar tidak relevan. Ini kerana berdasarkan keterangan, termasuk keterangan perayu sendiri melalui pernyataan beramaran perayu (D1) yang dikemukakan oleh perayu di peringkat kes pendakwaan semasa pemeriksaan balas SP6, perayu mengakui bahawa dia telah dibenarkan oleh abangnya, Arumugam, untuk menggunakan motosikal tersebut yang telah ditarik (*repossessed*), setiap hari, telah hampir setahun. SP5 juga dalam pemeriksaan utama, menyatakan dia telah melihat motosikal tersebut berada di rumah perayu sejak bulan sepuluh tahun 2016 (kandungan 15 — pdf 31). Oleh itu alasan untuk memanggil SM Razak dan Lee Chee Sing seperti yang diutarakan oleh peguam perayu iaitu untuk memberi keterangan tempoh pemilikan

motosikal tersebut oleh perayu adalah tidak perlu dan tidak relevan kerana telah terdapat keterangan yang kukuh berdasarkan percakapaan beramaran perayu (D1) dan keterangan SP5. Berdasarkan keterangan yang telah dirujuk, kami selanjutnya berpendapat isu siapa pemilik sebenar atau berdaftar motosikal tersebut adalah tidak material dalam kes ini untuk membuktikan kes pendakwaan iaitu perayu mempunyai milikan ke atas dadah tersebut.

[29] Manakala keterangan SP5 berkaitan kunci motosikal yang disimpan dalam rumah yang digantung di tepi cermin dan sesiapa sahaja boleh mengambilnya dari luar, tidak dapat menafikan kawalan perayu terhadap motosikal tersebut semasa perayu ditahan oleh SP3 dan SP4 yang tempatnya 3km daripada rumah perayu; dan perayu seorang sahaja berada di atas motosikal tersebut. Kami juga bersetuju dengan hujahan responden bahawa walaupun kunci motorsikal tersebut boleh diakses atau diambil oleh orang lain, yang penting ialah semasa perayu ditemui dan ditahan oleh SP3, kunci motosikal berada di badannya iaitu tersangkut di tali pinggang seluarnya, dia berada bersama motosikal dan beg plastik hitam yang berisi dadah dalam raga motosikal tersebut. Dalam percakapan beramaran (D1) perayu menyatakan 'Itu motosikal tak ada kunci lain'. Tidak ada orang lain di tempat itu kecuali perayu semasa SP3 dan SP4 sampai ke tempat tersebut dan menahan perayu selepas pemeriksaan di badan dan motosikal. Peguam perayu juga tidak menyoal balas atau mencadangkan kepada SP3 berkenaan dengan laporan polis yang telah dibuat oleh SP3 (P11) apabila laporan tersebut tidak menyebut perayu memberitahu SP3 dadah adalah kepunyaan Ellengo. Ini adalah peluang pertama untuk pembelaan meletakkan naratif kes pembelaan.

[30] Berkenaan sama ada Ellengo datang ke rumah perayu dan membonceng motosikal perayu, SP5 tidak dapat mengesahkannya kerana dia ke hospital pada hari tersebut (kandungan 15 — pdf 31–33). Oleh itu keterangan SP5 tidak menyokong naratif kes perayu bahawa Ellengo datang berjumpa perayu dan membonceng motosikal yang ditunggang oleh perayu.

[31] Berkaitan abang perayu pula iaitu Arumugam, adalah menjadi tanggungjawab perayu untuk memanggilnya untuk memberikan keterangan semasa kes pembelaan untuk membangkitkan sebarang keraguan munasabah. Pada peringkat kes pendakwaan, individu ini tidak material untuk membuktikan elemen-elemen pertuduhan terhadap perayu.

[32] HMT juga telah mengambil kira kelakuan perayu semasa dia ditahan. Kami petik perenggan [27] penghakiman seperti berikut:

> [27] Motosikal tersebut bersama tertuduh dan kunci motosikal bersamanya, tiada pihak ketiga selain tertuduh di situ. Barang kes dadah berada di hadapan tertuduh di dalam bakul motosikal dan dalam beg plastik hitam yang hanya disimpul, tertuduh boleh membukanya dan akan dapat melihat dadah di dalam plastik lut

sinar berisi dadah. Tertuduh dari tingkah laku menunjukkan reaksi melawan dan cuba mengelak beg plastik tersebut dari di ambil oleh SP3.

Menurut keterangan SP4 (rakan setugas SP3):

> SP3 cuba ambil plastik hitam tetapi telah berlaku tarik menarik antara beliau dan okt. Waktu itu suspek/okt sempat ambil beg hitam bila SP3 nak ambil balik dan dia kata tidak ada apa-apa tak payah check. Kpl Azrul berjaya rampas plastik hitam daripada okt, saya cuba tarik tertuduh supaya beri kerjasama daripada tangan yang dia pegang tangan SP3. Dia ambil daripada tangan kanan okt.

Apakah seorang awam yang tidak bersalah berani untuk merampas barang telah di tangan seorang anggota polis yang beruniform. Polis beruniform membawa senjata api. Jika bukan barang salah yang serius kesalahannya sudah tentu seorang yang munasabah tidak akan menarik balik barangan untuk mengelak daripada dibuka. Ini menunjukkan pengetahuan mens rea tertuduh akan adanya dadah di dalamnya sebelum dibuka oleh pihak polis.

[33] Seksyen 8(2) Akta Keterangan 1950 memperuntukkan seperti berikut:

> 8(2) Kelakuan mana-mana pihak atau kelakuan mana-mana ejen kepada mana-mana pihak dalam apa-apa guaman atau prosiding berkenaan dengan guaman atau prosiding itu, atau berkenaan dengan mana-mana fakta persoalan dalamnya atau yang berkaitan dengannya, dan kelakuan mana-mana orang yang kesalahan terhadapnya menjadi perkara apa-apa prosiding, adalah berkaitan jika kelakuan itu mempengaruhi atau dipengaruhi oleh mana-mana fakta persoalan atau fakta berkaitan, dan sama ada kelakuan itu berlaku dahulu atau kemudian daripadanya.

Dalam kes *Parlan bin Dadeh v Public Prosecutor* [2008] 6 MLJ 19; [2009] 1 CLJ 717, Mahkamah Persekutuan telah menjelaskan mengenai isu kelakuan dalam menentukan elemen pengetahuan di perenggan 25:

> [25] The law is clear and well settled. Proof of knowledge is very often a matter of inference. The material from which the inference of knowledge can be drawn varies from case to case. It would be sufficient for the prosecution to prove facts from which it could properly be inferred that the accused had the necessary knowledge.

Di para 36:

> [36] The law relating to evidence of conduct is thus patent. If there is no evidence to show that the conduct is influenced by any fact in issue or relevant fact as required by s 8 then it is not admissible as it would then be an equivocal act justifying inferences favourable to the accused being drawn. If it satisfies the requirement of s 8 it is admissible. It must be observed that the degree of proof required to establish evidence of conduct would depend on the nature of the conduct. Conduct like the flight of an accused is a more positive act and is easily established. On the other hand conduct like the accused looking stunned, nervous, scared or frightened is very often a matter of perception and more detailed evidence may be required. Once admitted the court cannot resort to any other explanation for the conduct or draw

A inferences on its own accord to render it inadmissible. The onus is on the accused to explain his conduct pursuant to s 9. Such explanation must not be in their barest possible form, but with a reasonable fullness of detail and circumstance (see *R v Stephenson* [1904] 68 JP 524).

B **[34]** HMT telah membuat dapatan bahawa kelakuan perayu di dalam kes ini telah membuktikan perayu mempunyai *mens rea possession* dan perbuatan/tindakan tersebut adalah relevan di bawah s 8 Akta Keterangan 1950 dan memerlukan penjelasan daripada perayu sepertimana peruntukkan di bawah s 9 Akta Keterangan 1950. Peguam perayu berhujah, walaupun tidak C dinafikan oleh perayu bahawa perayu telah merampas beg plastik hitam (eksh P8A) daripada tangan SP3, namun, terdapat penjelasan diberikan oleh perayu berkenaan perkara ini bahawa beg itu kepunyaan kawannya. Kami mendapati berdasarkan keterangan di peringkat pendakwaan, tidak dikemukakan naratif ini kepada SP3 dan SP4 oleh itu tidak ada penjelasan D yang boleh dipertimbangkan oleh HMT.

[35] HMT berpendapat kelakuan tertuduh yang berseorangan melawan dan mengelak daripada SP3 dan SP4 yang diketahuinya pegawai polis (kerana E memakai *uniform*) dari memeriksa plastik hitam (eksh P8A) adalah relevan bahawa dia mempunyai pengetahuan bahawa ada dadah dalam plastik hitam tersebut. Kelakuan perayu yang merampas plastik hitam tersebut daripada SP3 dan mengatakan 'tak ada apa-apa, tak payah periksa' dan kemudiannya bergelut dengan SP3 dan SP4 menyokong pendapat HMT. Kami bersetuju F dengan pendapat HMT bahawa kelakuan ini menunjukkan pengetahuan mens rea perayu bahawa adanya dadah di dalam plastik hitam yang disimpan dalam raga motosikal yang berada bersama perayu.

[36] Berkaitan dengan hujahan peguam mengenai perlakuan perayu yang G tidak melarikan diri menunjukkan perayu tidak mengetahui isi kandungan P8A, hujahan ini telah dipertimbangkan di perenggan [36] dan [37] penghakiman. Namun, HMT berpendapat perayu tidak boleh melarikan diri kerana dua pegawai polis telah menahannya bukannya kerana perayu tidak takut kerana tidak melakukan kesalahan dan tidak mengetahui kandungan beg H hitam tersebut. Keterangan bahawa perayu telah memberi kerjasama semasa badannya diperiksa oleh SP3, tidak semestinya bermakna perayu tidak bersalah dan tiada pengetahuan mengenai dadah yang dibawanya (lihat: *Teh Hock Leong v Public Prosecutor* [2010] 1 MLJ 741; [2008] 4 CLJ 764; *Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; [1996] 1 CLJ 705).

I **[37]** Selanjutnya, HMT mendapati sekiranya benar barang tersebut milik Ellengo, bukan milik perayu, sudah tentu perayu akan memberitahu pihak polis bahawa barang tersebut kepunyaan kawannya yang bernama Ellengo dan dia sedang menunggu kawan tersebut. Perayu duduk di atas motosikal yang

enjinnya dimatikan, plastik hitam dalam raga motosikal di hadapannya dan cubaan perayu merampas balik beg hitam tersebut daripada SP3 adalah satu tindakan oleh seseorang yang rasa takut diketahui terdapat bahan yang melanggar undang-undang di dalamnya. Dalam kes ini perayu berseorangan di atas motosikal dan tiada orang lain di sekitarnya semasa SP3 dan SP4 tiba di tempat kejadian dan semasa pemeriksaan ke atas badan perayu. Oleh itu tiada keraguan bahawa perayu mempunyai jagaan, kawalan dan pengetahuan ke atas kandungan plastik hitam di hadapannya yang diletak di dalam raga motosikal dan motosikal tersebut berada dalam jagaan dan kawalannya.

[38] Kesimpulannya, semasa ditahan, hanya perayu yang berada di atas motosikal yang di raganya mengandungi plastik hitam mengandungi dadah tersebut. Kunci yang ditemui di badan perayu tersangkut di tali pinggang seluar perayu juga merupakan kunci motosikal tersebut. Oleh itu jelas bahawa perayu mempunyai kawalan dan jagaan terhadap plastik hitam tersebut.

[39] Kami dapati HMT telah memberi penilaian maksima terhadap semua keterangan di peringkat kes pendakwaan dan HMT telah membuat dapatan yang betul mengenai pemilikan dadah tersebut bila mana perayu mempunyai pemilikan secara terus (*direct/actual possession*), jagaan dan kawalan terhadap dadah tersebut seperti yang terkandung dalam keputusannya semasa memanggil tertuduh untuk membela diri di akhir kes pendakwaan seperti yang terkandung dalam rekod rayuan seperti berikut:

> Mahkamah: Keputusan di peringkat Pendakwaan
>
> Setelah meneliti keterangan kes pendakwaan secara maksima dan hujahan kedua-dua belah pihak, Mahkamah Tinggi ini mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan pemilikan jagaan dan *kawalan secara terus* dan melimpah ruah *ke atas dadah di beg dan di dalam raga motosikal tersebut*.
>
> Manakala *pengetahuan mens rea tertuduh dapat dibuktikan juga melalui kelakuannya [conduct]* s 8 AK tersebut secara keterangan mengikut keadaan yang sangat kuat dan menurut s 9 AK tertuduh perlu menerangkan kenapa beliau berkelakuan menarik barang kes di dalam raga dan bergelut.
>
> Dengan ini satu kes prima facie berjaya dibuktikan sebagai mana pertuduhan ke atas tertuduh dan anggapan mengedar di bawah s 37(da) adalah terpakai ke atas tertuduh. Dengan ini kamu dipanggil membela diri.

Sama ada pembelaan bahawa dadah adalah kepunyaan Ellengo adalah pembelaan fikiran kemudian (afterthought) dan sama ada keterangan SD2, ibu kepada perayu telah dinilai dengan sewajarnya atau sama ada HMT telah meletakkan sebarang pemberatan terhadap keterangan SD2

[40] Hujahan pembelaan, berdasarkan keterangan SD2, pada tarikh kejadian tersebut, perayu telah keluar rumah bersama Ellengo. Dipetik

keterangan SD2 semasa pemeriksaan utama seperti berikut:

> Pada 29.3.2017, Mugilan balik kerja pukul 6 petang. Selepas Mugilan balik dari kerja Ellengor [sic] ada datang dan panggil Mugilan daripada luar rumah. Saya tahu dia Ellengor[sic] sebab Mugillan ada kata 'tunggu Ellengor'. Saya ada lihat Ellengor ini pada hari itu. Sebelum hari itu, Ellengor tidak pernah datang ke rumah saya. Saya ada lihat anak saya keluar berjumpa dengan Ellengor.
>
> Ellengor datang ke rumah saya macam mana saya tidak tahu. *Saya tidak dengar perbualan mereka*. Saya lihat Ellengor selepas anak saya suruh Ellengor tunggu. Mereka berdua naik motor dan beredar dari rumah saya.
>
> Selepas mereka berdua keluar dari rumah, dari jam 8.00 ke 9.00 malam saya dapat tahu anak saya kena tangkap.

[41] Hujahan peguam perayu bahawa SD2 telah terdengar berbincangan perayu bersama Ellengo pada tarikh kejadian di mana Ellengo meminta bantuan perayu untuk menghantarnya. Menurut SD2 mereka telah beredar bersama. SD2 hanya mengesahkan motosikal tersebut digunakan oleh ramai orang dan pada tarikh kejadian, SD2 tidak ada nampak eksh P8A di dalam raga motosikal tersebut sebelum perayu keluar bersama Ellengo. Hujahan peguam keterangan material ini telah gagal dinilai, dikupas dan dipertimbangkan oleh HMT.

[42] Selanjutnya peguam perayu berhujah, pihak pendakwaan telah gagal untuk mencabar kredibiliti dan keterangan SD2. Apabila keterangan SD2 tidak dicabar (*impeach*), adalah menjadi tugas HMT untuk menilai keseluruhan keterangan SD2 dan membuat dapatan sama ada untuk mempercayai atau tidak keterangan tersebut. Alasan perlu diberikan untuk menjelaskan mengapa HMT tidak menimbangkan atau menerima keterangan SD2. HMT telah gagal untuk membuat sebarang dapatan terhadap keterangan SD2. Peguam berhujah keterangan SD2 secara langsung menyokong keterangan perayu secara material dan wujudnya keraguan munasabah sama ada perayu atau Ellengo yang telah meletakkan eksh P8A di dalam raga motosikal tersebut. Oleh itu, kegagalan HMT untuk menilai keterangan ini merupakan satu 'grave misdirection by way of none direction which had prejudiced the appellant and his defence'. Perayu telah dinafikan haknya untuk mendapat perbicaraan yang adil di bawah s 182 Kanun Tatacara Jenayah. Apabila berlakunya salah arah oleh hakim bicara, telah berlaku salah laksana keadilan yang serius terhadap perayu.

[43] Peguam perayu juga menghujahkan bahawa HMT telah khilaf dalam dapatannya bahawa pembelaan perayu adalah merupakan satu pembelaan *after thought* apabila pembelaan perayu telah gagal dicabar oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan. Isu Ellengo dan juga perayu sedang menunggu seseorang telah dicabar walaupun bukan secara *extensive* namun adanya

cabaran yang telah diletakkan bahawa perayu berada di tempat kejadian setelah bertemu dengan Ellengo di rumah dan semasa rakaman percakapan diambil, perayu ada memaklumkan berkenaan kewujudan Ellengo namun SP6 tidak mencatitkan perkara tersebut. Jikapun pembelaan perayu tidak dicabar secara spesifik, tugas HMT adalah untuk menilai dan mempertimbangkan pembelaan perayu sama ada pembelaan perayu tersebut berjaya menimbulkan keraguan munasabah. Pembelaan perayu tidak boleh ditolak semata-mata kerana kegagalan perayu untuk mencabar keterangan saksi-saksi pendakwaan. Peguam perayu selanjutnya berhujah bahawa kegagalan perayu meletakkan pembelaan tidak melepaskan beban pihak pendakwaan dalam membuktikan kes mereka. Mahkamah masih lagi perlu untuk menilai pembelaan perayu (lihat: *Alcontara a/l Ambross Anthony v Public Prosecutor* [1996] 1 MLJ 209; [1996] 1 CLJ 705 (MP)). Jika ini tidak dilakukan, ia merupakan satu kekhilafan undang-undang yang material yang membawa kepada ketidakadilan perbicaraan terhadap perayu.

[44] Hujah peguam lagi di dalam rakaman percakapan perayu, jelas sekali perayu tidak ada menahan pihak polis daripada memeriksa plastik hitam (P8A) tersebut dan perayu tidak ada menyatakan atau meminta SP3 untuk tidak memeriksa plastik hitam tersebut. Ini menunjukkan perayu tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah yang terkandung dalam plastik hitam tersebut.

[45] Kami dapati HMT telah menilai dengan teliti kes pembelaan dan telah membuat dapatan selaras dengan s 182A Kanun Tatacara Jenayah. HMT juga telah merujuk kepada panduan *Radhi* di dalam kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169; [1991] 1 CLJ Rep 311 seperti berikut:

> It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. Heispresumed innocent until proven guilty. *To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt in the prosecution case*. In the course of the prosecution case, the prosecution may of course rely on available statutory presumptions to prove one or more of the essential ingredients of the charge. When that occurs the particular burden of proof as opposed to the general burden, shifts to the defence to rebut such presumptions on the balance of probabilities which from the defence point of view is heavier than the burden of casting a reasonable doubt, but it is certainly lighter than the burden of the prosecution to prove beyond reasonable doubt. To earn an acquittal at the close of the case for the prosecution under s 173(f) or s 180 of the Criminal Procedure Code, the court must be satisfied that no case against the accused has been made out which if unrebutted would warrant his conviction (*Munusamy v Public Prosecutor* [1937] 1 MLJ 93; [1936] 1 LNS 32. If defence is called, the duty of the accused is only to cast a reasonable doubt in the prosecution case. He is not required to prove his innocence beyond reasonable doubt.

> To earn an acquittal, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice. It is not, however, wrong for the court to be convinced that the defence version is true, in which case the court must order an acquittal. In appropriate cases it is also not wrong for the court to conclude that the defence story is false or not convincing, but in that instance, the court must not convict until it asks a further question that even if the court does not accept or believe the defence explanation, does it nevertheless, raise a reasonable doubt as to his guilt? It is for this reason that in dealing with the defence story or explanation, the majority of judges rightly prefer to adopt straight away the legally established 'reasonable doubt' test, rather than to delve in the 'believable and convincing' test before applying the 'reasonable doubt' test.

[46] HMT berpendapat versi naratif perayu bahawa dadah tersebut dimiliki oleh Ellengo hanyalah penafian semata-mata dan merupakan pemikiran kemudian (*afterthought*) seperti yang dinyatakan di perenggan 72 penghakiman seperti berikut:

> [72] Terdapat beberapa keputusan mahkamah yang memutuskan pembelaan 'afterthought' sebagai bukan suatu yang boleh menimbulkan keraguan munasabah. Di dalam D1 gagal dikatakan ianya milik Ellengo malah semasa soal balas saksi pendakwaan tertuduh juga tidak pernah menyebut nama 'Ellengo' semasa menyoal balas SP3 atau SP4 atau SP5. Semasa pembelaan watak Ellengo keluar secara aktif. Semasa kes pendakwaan tertuduh menjurus kesalahan kepada Arumugam di mana ditanya SP6 kenapa tidak dikesan di mana tuan punya motosikal tetapi bila memberi pembelaan tertuduh melihat Ellengo tinggalkan di dalam raga motosikalnya. Walaupun tertuduh tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab atau beban menanya soalan-soalan kepada saksi pendakwaan namun perlu dikemukakan seawal mungkin pembelaan di dalam ke pendakwaan lagi.

[47] HMT bersandarkan kepada nas-nas bahawa pembelaan fikiran kemudian yang membawa pembelaan dengan penafian semata-mata dan tidak munasabah patut ditolak (lihat; *Rosenizam bin Maharam v Public Prosecutor* [2003] 5 MLJ 49; [2002] 1 LNS 260, *Henry Chan Kok Loon v Public Prosecutor* [2017] MLJU 1191; [2017] 1 LNS 1174). Kes Mahkamah Persekutuan iaitu *Loo Ting Meng v Public Prosecutor* [2014] 6 MLJ 208; [2014] 1 CLJ 188 menjelaskan bahawa penafian semata-mata tidak mencukupi untuk membangkitkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan:

> By testifying in the manner that he did, and denying seeing the deceased there at all when occupying rooms 105 and 103, all the prosecution's important strands of evidence remained unaffected and unrebutted. In the circumstances of the case, it is our view that the appellant's bare denial was not a defence sufficient to cast a reasonable doubt over a host of incriminating evidence that unerringly pointed to his guilt (*DA Duncan v Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195).

[48] Kami berpendapat HMT adalah betul dalam merumuskan bahawa

pembelaan perayu bersifat fikiran kemudian (*afterthought*). Ini disokong oleh penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630; [2013] 4 CLJ 149 yang memutuskan seperti berikut:

> [46] Although failure on the part of the defence to put its case to the material prosecution's witness, can never by itself relieve the prosecution of its duty to prove the charge against the accused beyond reasonable doubt (*Alcontara v Public Prosecutor*), *such failure by the defence did have serious implication on the accused's credibility and the weight to be attached to his evidence*. The necessity of putting the essence of his case to the material prosecution's witness is not a mere technical rule of evidence. It is a rule of essential justice ...
>
> [47] In *Wong Swee Chin v Public Prosecutor* [1981] 1 MLJ 212; [1980] 1 LNS 138 at p 213, the Federal Court said:
>
> > A correct statement of the law is that failure of the defence to cross-examine the prosecution witnesses on the matter merely goes to the credibility of their testimony, to wit, the fact they found the ammunition in the appellant's trouser pockets remains unshaken. On this point we need only say there is a general rule that failure to cross-examine a witness on a crucial part of the case will amount to an acceptance of the witness's testimony ...

[49] Dalam rayuan di hadapan kami, kewujudan Ellengo pertama kali timbul di peringkat kes pendakwaan semasa pemeriksaan balas terhadap adik tiri perayu SP5 yang tinggal berjiran, di mana peguam bela telah bertanya sama ada SP5 kenal seorang bernama Ellengo dan SP5 menyatakan bahawa dia kenal Ellengo tetapi tidak pasti sama ada Ellengo kawan Arumugam atau Mugilan ataupun kawan Raja. Penglibatan atau peranan Ellengo dalam kes ini tidak pernah ditanya kepada SP5. Kewujudan Ellengo ini juga tidak pernah ditanya kepada mana-mana saksi material pihak pendakwaan yang lain iaitu SP3, SP4 dan SP6 (pegawai penyiasat). SP5 selanjutnya menyatakan dia tidak tahu sama ada Ellengo ada datang ke rumah perayu pada hari kejadian. Oleh itu keterangan SP5 tidak menyokong keterangan SD2 bahawa Ellengo ada datang ke rumah perayu.

[50] Percakapan beramaran perayu (D1) hanya menyatakan 'Itu dadah bukan saya punya. Saya tak tahu itu siapa punya dadah. Saya hanya hisap ice sahaja' (rujuk kandungan 16, RR Jld 31–33 pdf). Kami berpendapat dakwaan perayu bahawa dia telah memaklumkan kepada pegawai perakam mengenai dadah kepunyaan Ellengo tetapi tidak direkodkan, tidak boleh diterima, kerana perayu telah menandatangani setiap muka surat dan dihelaian terakhir pernyataan beramaran (D1) dan perayu telah diminta mengesahkan atau membuat apa-apa pindaan jika perlu. Berdasarkan D1 yang dikemukakan, tidak ada apa-apa pindaan dibuat oleh perayu dan dia telah menandatangani D1 dengan tanpa apa-apa pindaan.

[51] Begitu juga dengan keterangan SD2 ibu kepada perayu, kami berpendapat keterangan SD2 tidak membantu perayu untuk menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan mengenai pemilikan dadah oleh perayu sekalipun benar wujudnya Ellengo kerana tiada keterangan berkaitan barang kes iaitu mengenai plastik hitam dari SD2. Dalam keterangan SD2 seperti yang dipetik di atas, dia tahu Ellengo datang tetapi tidak tahu bagaimana dia datang dan ini pertama kali dia datang. SD2 juga tidak mendengar perbualan perayu dan Ellengo. Hujahan peguam bahawa SD2 mendengar perbualan antara keduanya adalah *misleading*. SP5 pula tidak melihat Ellengo pada hari kejadian kerana berada di hospital. Oleh itu keterangan SD2 tidak disokong oleh SP5 mengenai kedatangan Ellengo. SD2 menyatakan tidak melihat beg plastik hitam dalam raga motosikal tetapi tiada keterangan menunjukkan jarak di antara SD2 dan motosikal semasa perayu beredar menunggang motosikal bersama Ellengo dari rumah SD2. Kami berpendapat keterangan SD2 mengenai Ellengo adalah longgar dan tidak kukuh dengan itu tidak dibuktikan. Kami bersetuju dengan HMT bahawa keterangan ini hanyalah fikiran kemudian (*afterthought*).

[52] Kami juga dapati naratif pembelaan berkenaan Ellengo juga tidak pernah dinyatakan kepada pihak polis semasa SD2 dirakam percakapannya. Ini dimaklumkan sendiri oleh SD2 ketika dirujuk percakapannya untuk tujuan 'refresh memory'. Malah SD2 bersetuju bahawa di dalam percakapannya hanya dinyatakan perayu menunggang motosikal seorang diri semasa meninggalkan rumah dan tiada langsung dalam percakapan tersebut berkenaan Ellengo. Walaupun keterangan SD 2 tidak dicabar atau dibuang (*impeach*) ia tidak memberi kesan kepada kes pendakwaan bahawa dadah di dalam plastik hitam dalam raga motosikal berada dengan perayu dan perayu yang memegang kunci motosikal, adalah di bawah jagaan, kawalan dan dalam pegetahuan perayu.

[53] Tambahan pula kedudukan SD2 sebagai ibu tiri kepada perayu patut diambil kira dan tidak salah HMT membuat dapatan bahawa SD2 adalah saksi berkepentingan. Ini disokong oleh keterangan SD2 sendiri dalam pemeriksaan balas bila mana SD2 menyatakan bahawa semenjak ketiadaan perayu, SD2 telah menjaga dua anak perayu dan tidak lagi mendapat duit daripada perayu. Kami berpendapat HMT telah memberi penilaian yang sewajarnya terhadap keterangan SD2 apabila membuat dapatan mengenai pembelaan perayu bahawa plastik hitam adalah milik Ellengo merupakan fikiran kemudian (*afterthought*). Ini bertentangan dengan hujahan peguam perayu bahawa HMT tidak memberi pertimbangan sewajarnya terhadap keterangan SD2.

[54] HMT telah menilai semua keterangan pembelaan termasuk SD2 di perenggan [71](c) dan begitu juga keterangan SP5 di peringkat pendakwaan di perenggan [72]. Kami di peringkat rayuan juga boleh melihat semula semua

keterangan yang dikemukakan di Mahkamah Tinggi jika terdapat ketinggalan untuk menilainya oleh HMT. Kami telah meneliti keterangan SD2 dan SD5 seperti yang dibincangkan di perenggan terdahulu penghakiman ini. Berdasarkan penelitian kami, keterangan mereka dan keseluruhan keterangan lain yang dikemukakan oleh perayu tidak menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pembelaan. Oleh itu pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan terhadap perayu melampaui keraguan munasabah.

KESIMPULAN

[55] Berdasarkan alasan-alasan di atas kami berpuas hati bahawa tidak ada apa-apa kesilapan atau salah arah oleh HMT dari segi fakta dan undang-undang yang memerlukan campur tangan kami di peringkat rayuan. Setelah mengambil kira keseluruhan keterangan, kami sebulat suara mendapati pertuduhan terhadap perayu telah dibuktikan dengan melampaui keraguan munasabah. Oleh itu sabitan ke atas perayu adalah selamat dan rayuan terhadap sabitan dan hukuman ditolak dan keputusan Mahkamah Tinggi di bawah s 39B(1)(a) Akta dikekalkan. Oleh itu hukuman gantung dileher sampai mati ke atas perayu di bawah s 39B(2) Akta yang sama adalah dikekalkan dan disahkan.

[56] Kami mengambil maklum semasa penghakiman ini ditulis, hukuman mati mandatori telah dimansuhkan melalui Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) yang berkuatkuasa pada 4 Julai 2023 melalui warta (PU(B) 229/2023).

Rayuan terhadap sabitan dan hukuman ditolak; keputusan HMT dikekalkan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar